

05 SEP 1997

EKRAN DIBERI KEBENARAN CARI RAKAN KONGSI BARU UNTUK KONTRAK EPC

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Ekran Bhd telah diberi kebenaran untuk mendapatkan rakan kongsi baru untuk kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPC) projek Bakun Hydroelectric Corporation berikutan tamatnya rundingan dengan konsortium ABB-CBPO.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Ekran memutuskan untuk menamatkan rundingan dengan ABB, dan ia terpaksa mencari rakan kongsi yang lain.

"Kami (kerajaan) telah membenarkan Ekran membuat keputusan itu," katanya pada persidangan berita selepas akhir hari pertama perhimpunan agung UMNO di sini.

Mengenai cakap-cakap bahawa Ekran telah mendapat rakan EPC tempatan untuk projek empangan yang menelan belanja RM13.6 bilion yang kini ditangguhkan, Mahathir berkata: "Kami tidak mengulas khabar-khabar angin."

Semalam, Ekran Bhd telah mengumumkan bahawa ia gagal mencapai persetujuan dengan konsortium Asea Brown Boveri-Companhia Brasileira de Projectos Obras (ABB-CBPO) berhubung kontrak itu untuk memajukan projek tenaga yang berharga beribu juta ringgit di Sarawak.

Dengan perjanjian yang tidak mungkin terlaksana, ia terpaksa membuat urusan lain untuk menyiapkan projek itu, kata pengerusi eksekutifnya, Tan Sri Ting Pek Khiing.

Pada majlis yang lain pula, menteri tenaga, telekom dan pos, Datuk Leo Moggie memberitahu pemberita bahawa kerajaan tidak akan campur tangan dalam pemilihan kontraktor baru kerana ia adalah projek sektor swasta.

"Jelas, BHC memutuskan siapa sepatut menjadi kontraktornya, kami (kerajaan) tidak tahu ... terpulang pada pihak pemaaju," beliau memberitahu pemberita di sini selepas menyaksikan pemeteraian perjanjian antara P.E Corrugated Duct Manufacturing Sdn Bhd dan Rieckermann (Malaysia) Sdn Bhd.

Projek itu dilaksanakan oleh Bakun Hydroelectric Company (BHEC), dengan Ekran memegang ekuiti 32 peratus, kerajaan negeri Sarawak 19 peratus, Sarawak Electricity Supply sembilan peratus, Tenaga Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masing-masing lima peratus dan orang awam 25 peratus. -- BERNAMA

AD MA